



KONSEP KREATIVITI DALAM KEUSAHAWANAN

Daya kreativiti dan inovasi adalah satu ciri penting dalam memastikan kejayaan seorang usahawan dan syarikatnya dalam bidang keusahawanan. Konsep kreativiti boleh dilihat dari pelbagai segi, dimana dalam keusahawanan lebih menjurus kepada cara dan pemikiran kita untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan menjana minda untuk mengeluarkan idea baharu.

Persaingan perniagaan yang semakin kompetitif pada hari ini memerlukan kepada cara-cara yang lebih kreatif dan inovatif untuk menghasilkan barangan atau perkhidmatan yang berdaya saing dan sentiasa mendapat tempat untuk terus berada di pasaran. Ciri-ciri seperti berinovatif, kreatif, bersedia mencari alternatif, fleksibel, berinisiatif dan sanggup mengambil risiko adalah perlu untuk menjadi usahawan yang kreatif. Untuk menggalakkan perkembangan kreativiti dalam bidang keusahawanan, terdapat beberapa kaedah atau teknik yang harus kita ketahui dan apa yang paling utama adalah dapat merealisasikan daya kreativiti tersebut.

Usahawan yang berfikiran kreatif akan sentiasa melihat dan mencari peluang perniagaan yang unik. Menurut Kuratko dan Hodgetts (2004), dua elemen utama iaitu orang dan proses memainkan peranan yang penting dalam kreativiti. Seseengah orang individu yang mempunyai tahap kebolehan atau keupayaan dan bakat yang berbeza turut mempunyai kemahiran kreativiti melalui pembelajaran akademik, pengalaman dan persekitaran yang menggalakkan mereka membangunkan kreativiti masing-masing.

Kreativiti juga boleh dilihat sebagai satu proses yang boleh dipelajari, dibentuk dan dipertingkatkan. Melalui proses kreativiti, seseorang individu mempunyai keinginan untuk mengeluarkan produk atau proses yang boleh mendatangkan manfaat, kesesuaian dan bernilai terhadap sesuatu tugas dan juga mengenalpasti serta mencari jalan penyelesaian sesuatu masalah. Ciri-ciri personaliti dan daya kreativiti serta aktiviti berinovasi mereka menjadi asas untuk menjadi seorang yang kreatif.

KONSEP KREATIVITI DALAM KEUSAHAWANAN

Latar belakang pendidikan akademik yang baik ataupun mendapatkan pendidikan secara formal seperti lulusan diploma atau memiliki sijil-sijil ijazah pengajian bukanlah satu jaminan akan berjaya bidang perniagaan yang diceburi. Ini kerana sudah terbukti ramai usahawan terkenal, terkaya dan berjaya di dunia dalam bidang perniagaan yang diceburi oleh mereka bukanlah kerana mereka pandai dalam bidang akademik semata-mata.

Kreativiti juga membolehkan usahawan menghasilkan keluaran yang mempunyai kelainan daripada keluaran yang dihasilkan oleh pesaing. Dengan ini, keluaran yang dihasilkan akan mendapat permintaan oleh pelanggan dan terus kekal dalam pasaran perniagaan. Kreativiti merupakan kelebihan kompetitif yang perlu ada pada seseorang usahawan. Kreativiti bermakna melakukan sesuatu dengan cara yang berbeza daripada kebiasaan untuk memperolehi hasil yang lebih baik ataupun untuk menyelesaikan masalah. (Abdul Aziz Yusof, 2003).

Dalam dunia keusahawanan, kreativiti sering dikaitkan dengan pembangunan produk atau perkhidmatan dan proses baharu. Dengan adanya kreativiti, ianya dapat melihat subjek atau keadaan dari perspektif baru, serta mampu membentuk kombinasi-kombinasi baharu dari dua atau lebih konsep yang disatukan melalui pemikiran kreatif. Kreativiti seringkali berlaku secara spontan, yang mana ianya tidak dapat dijangkakan.

Secara kesimpulannya, pengurusan kreativiti dalam sesebuah firma keusahawanan adalah penting dan ianya merupakan salah satu aktiviti yang mampu menghasilkan sesebuah produk yang mempunyai kelainan, berguna dan boleh menarik perhatian orang ramai berbanding dengan produk yang dikeluarkan oleh pesaing-pesaing lain. Selain itu juga, ianya mampu mendapatkan hasil yang lebih baik atau menyelesaikan sesuatu masalah dengan cara baharu dan melalui sudut pandangan yang berbeza daripada kebiasaan.

RUJUKAN:

Ab Aziz, Y. (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Prentice Hall: Petaling Jaya

Barjoiy Bardai. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan : Bahagian 1*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Noor Aishah Buang. (2002). *Asas Keusahawanan*. Penerbit Fajar Bakti: Kuala Lumpur

Kuratko, D.F., & Hodgetts, R.M., (2004). *Entrepreneurship: A contemporary approach*. (6th ed.) Harcourt College Publishers.

DISEDIAKAN OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA & DR SALMAH TOPIMIN,
PENSYARAH KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.

merlyn@ums.edu.my